

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]
TARIKH : 26 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 1

Y.B. TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana kemajuan yang telah dicapai oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu lebih ramai rakyat berpendapatan rendah memiliki rumah mampu milik.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia (BNM) dan institusi kewangan telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kos sampingan pemilikan rumah bagi membantu pembeli rumah dengan menubuhkan Dana Rumah Mampu Milik dengan peruntukan berjumlah RM1 bilion. Melalui Dana ini, pembeli rumah pertama, terutamanya golongan muda, akan mendapat pembiayaan daripada institusi kewangan pelaksana melalui kadar pembiayaan konsesi yang lebih murah dari pasaran semasa iaitu sebanyak 3.5% setahun dan tempoh pembiayaan yang lebih panjang selama 40 tahun atau sehingga umur 70 tahun. Kadar pembiayaan yang rendah berserta tempoh pembiayaan yang lebih panjang dapat meningkatkan kemampuan peminjam melalui pengurangan pembayaran bulanan pembiayaan, seterusnya merangsang daya beli dan meningkatkan akses kepada pembiayaan.
2. BNM telah menambah baik ciri-ciri kriteria kelayakan Dana RM1 bilion untuk Rumah Mampu Milik yang bertujuan untuk membantu lebih ramai pembeli rumah daripada golongan berpendapatan rendah membiayai pembelian rumah pertama mereka. Penambahanbaikan adalah termasuk pendapatan maksimum bulanan isi rumah dinaikkan sehingga RM4,360 dan harga maksimum harta tanah dinaikkan kepada RM300,000. Penambahanbaikan ini telah berkuat kuasa pada 1 September 2019.

Yang di-Pertua,

3. Sejak dilancarkan sehingga 31 Oktober 2019, lebih dari 3,100 permohonan yang bernilai RM596 juta telah diluluskan. Selain akses kepada pembiayaan, pengetahuan kewangan juga penting untuk memastikan bakal pembeli rumah tidak terbeban dengan bayaran bulanan pembiayaan. Modul pendidikan kewangan yang disediakan

NO SOALAN : 1

secara online oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) iaitu portal Rumahku, juga akan membantu pembeli rumah memahami komitmen kewangan yang bakal dihadapi sebelum membeli rumah. AKPK turut menyediakan program pengurusan kredit untuk semua individu yang memerlukan bantuan dalam mengurus bebanan kredit dengan institusi kewangan.

4. Bagi pembeli yang tidak berjaya mendapatkan pembiayaan, mereka boleh memanfaatkan Khidmat Nasihat Pembiayaan (MyKNP) untuk mendapat penjelasan lanjut berhubung sebab-sebab permohonan tidak berjaya serta khidmat nasihat untuk meningkatkan kelayakan pembiayaan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.